



**KOPERASI PESERTA  
FELCRA SEBERANG PERAK BHD**

كُوْفَرَا سِي قَسْرَتَا فَيْلَا كَرَا سَبْرَغُ قَيْرَاقَ بَرَحَدًا  
**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN  
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD** (KOOP 207 (PK))

Lot 04217, Coop Business Centre, Lebuhr Paduka, Felcra Bandar Seberang Perak, 36800 Kg Gajah, Perak  
Tel : 05-655 8101 / 8103 / 8104 / 8109 Fax : 05-655 8100  
Email : [admin@coopseberangperak.com.my](mailto:admin@coopseberangperak.com.my) Web : [www.coopseberangperak.com.my](http://www.coopseberangperak.com.my)

Bil : ( 20 ) KPPRFSPB ( 01-03 ) MAT 39

22 Zulhijjah 1447H  
08 Jun 2026

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan,

Anggota-anggota,  
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 39, TAHUN 2026**

Berhubung dengan perkara di atas dan mematuhi Perkara 28 (1) Undang-undang Kecil Koperasi **DENGAN INI DIBERITAHU KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI** bahawa mesyuarat tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti di bawah :

Tarikh : **25 Jun 2026 ( Khamis )**  
Masa : **08.00 pagi**  
Tempat : **Dewan Besar,  
FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak,  
36800 Kg Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

2. Namun begitu tuan/puan digalakkan melayari laman web koperasi di [www.coopseberangperak.com.my](http://www.coopseberangperak.com.my) atau laman facebook rasmi koperasi @coopseberangperak untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan disarankan 3 hari sebelum mesyuarat berlangsung.

3. Perkara-perkara yang perlu diambil perhatian tuan/puan adalah sebagaimana berikut :

**a) Pendaftaran Kehadiran Anggota Secara Sistem Elektronik**

Koperasi akan menyediakan Kaunter Pendaftaran Secara Elektronik mengikut fasa penempatan/kategori iaitu :

- i. Felcra Bandar Seberang Perak
- ii. Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16
- iii. Kategori Anak Anggota & Staf

Sila bawa **Kad Pengenalan / Mykad.**

**b) Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 39**

Elaun kehadiran mesyuarat agung akan dibayar semasa pendaftaran bagi anggota yang sah sahaja. Wakil tidak dibenarkan mendaftar bagi pihak anggota dan tidak layak menerima elaun kehadiran.

**c) Proses Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi sesi Perkhidmatan 2026-2029**

Akan dijalankan pada pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Pengundian Bagi Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2026-2029 mengikut kategori berikut iaitu :

- i) Calon Anggota Lembaga FSP Bandar
- ii) Calon Anggota Lembaga FSP 1, 2 & 16
- iii) Calon Anggota Lembaga kategori Anak Anggota

**d) Borang Maklumat Anggota Uzur**

Bagi anggota tidak dapat hadir kerana uzur yang daif seperti lumpuh, pihak Koperasi akan memberi sumbangan melalui lawatan ke rumah anggota berkenaan. Borang Maklumat Anggota Uzur disediakan di Kaunter Khas semasa pendaftaran.

**e) Acara Cabutan Bertuah**

Diadakan semasa mesyuarat berlangsung sebanyak 4 pusingan.

**f) Buku Laporan Tahunan/Penyata Kewangan Tahunan & Agenda Mesyuarat Agung.**

Buku Laporan Tahunan **tidak** diedarkan bersama notis ini. Sekiranya tuan/puan memerlukan sila hubungi Pejabat Koperasi sebelum mesyuarat agung berlangsung. Namun begitu, bersama ini disertakan beberapa dokumen ringkasan laporan iaitu :

- i. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 39/2026
- ii. Ringkasan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2025/2026
- iii. Ringkasan Laporan dan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
- iv. Kertas Cadangan Belanjawan @ Bajet Bagi Tahun 2027
- v. Kertas Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Tahun 2026

**g) Surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod**

Anggota yang memerlukan surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi boleh mengambil surat tersebut di pejabat koperasi atau muat turun di laman web rasmi koperasi iaitu [www.coopseberangperak.com.my](http://www.coopseberangperak.com.my)

4. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Agung Tahunan ini akan dihadiri oleh semua anggota koperasi dan ia tertakluk di bawah Seksyen 30 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan, **menyatakan TIADA wakil yang boleh mendaftar dan mengundi bagi pihak anggota.**

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, BERKUALITI DAN MENGUNTUNGAN"**

Yang benar,

**KPR FELCRA SEBERANG PERAK BHD.**



.....  
**(OTHMAN ALI BIN MOHD HASHIM)**

Setiausaha Koperasi Sesi 2025/2026

- s.k
- Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak, Ipoh
  - Pengarah Hal Ehwal Peserta FELCRA Bhd, Kuala Lumpur
  - Pengarah Negeri FELCRA Bhd Perak, Ipoh
  - Penolong Pengarah Negeri FELCRA Bhd Perak (Seberang Perak) merangkap Yang Dipertua Koperasi
  - Pengerusi KPR FELCRA Seberang Perak Bhd
  - Fail